

15 Disember 2017

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Semula Persijilan RSPO Bagi IOI Corporation Berhad -Kilang Kelapa Ladang Sabah – Sandakan, Sabah, Malaysia**

IOI Corporation Berhad (RSPO Membership No: 2-0002-04-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian semula persijilan RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Ladang Sabah dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 8 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Sandakan, Sabah, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan semula Kilang Kelapa Sawit Ladang Sabah pada 23 hingga 26 Januari 2018. Penilaian semula akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014 dan RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills: Revised 14 June 2017. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Kilang Kelapa Sawit Ladang Sabah dan Ladang – Ladang</b>	
Nama kilang	Kilang Kelapa Sawit Ladang Sabah
Kapasiti Kilang (mt/jam)	90 mt/jam
Lokasi	Sandakan, Sabah, Malaysia
Alamat	Ladang Sabah Palm Oil Mill, Mile 45, Sandakan/Telupid Road, DT 164 90009 Sandakan, Sabah
Rujukan GPS	117° 36.623' E ; 05° 44.449' N
Pengeluaran CPO (Anggaran) (MT)	74,220.74 mt
Pengeluaran PK (Anggaran) (MT)	18,931.84 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran) (MT)	280,854.02 mt

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Anggaran Pengeluaran FFB untuk Tahun 2017 (MT)
Moynod	117° 36.623' E ; 05° 44.449' N	2,610	167	2,777	48,427.51
Luangmanis	117° 36.382' E ; 05° 45.800' N	2,500	0	2,500	50,046.93
Laukin	117° 31.946' E ; 05° 46.708' N	1,998	0	1,998	32,274.59
Sg. Sapi	117° 31.020' E ; 05° 48.452' N	1,220	0	1,220	21,155.09
Labuk	117° 29.769' E ; 05° 42.785' N	2,367	0	2,367	42,289.10
Terusan Baru	117° 36.623' E ; 05° 45.853' N	1,444	822	2,266	26,274.25
Bimbingan 1	117° 26.755' E ; 05° 37.276' N	1,717	78	1,795	28,741.01
Bimbingan 2	117° 25.376' E ; 05° 37.177' N	1,735	0	1,735	31,645.54
TOTAL		15,591	1,067	16,658	280,854.02

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian semula di Kilang Kelapa Sawit Ladang Sabah dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**En Valence Shem** sebagai Ketua Juruaudit (Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang dan Kilang Kelapa Sawit, Aspek Undang-Undang dan Alam Sekitar); **En Mohamed Hidhir Zainal Abidin** sebagai Juruaudit (Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek undang-undang, HCV dan Sosial); **En Hafriazhar Mohd Mokhtar** sebagai juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Skim RSPO**

Mr. Nicholas Cheong  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Unit 10-03, Level 10, Tower A  
The Vertical Business Suites  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur Malaysia  
Fax : +603-2242 4218  
Email : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN/ATAU****Auditee:**

Mr Leang Hon Wai  
Senior Plantation Controller (Sandakan Region)  
IOI Plantation Services Sdn Bhd  
Level 8, Two IOI Square  
W.D.T No. 164 90009 Sandakan, Sabah  
Malaysia  
Fax : +6089 509100  
Email : [hwleang@ioigroup.com](mailto:hwleang@ioigroup.com)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Skim RSPO